

GAYA PERBUALAN DALAM TEKS KREATIF BAHASA MELAYU

Mohammad Fadzeli Jaafar

Abstrak

Grice (1975) telah mencadangkan suatu prinsip perbualan, iaitu Prinsip Kerjasama bagi membolehkan sesuatu perbualan itu berlangsung mengikut koheren dan efektif. Prinsip perbualan ini dihasilkan dalam bentuk maksim atau petunjuk, iaitu maksim kuantiti, kualiti, perkaitan dan cara. Asas prinsip ini ialah "Katakan apa yang kamu maksudkan dan maksudkan apa yang kamu katakan". Bagaimanapun, dalam perbualan sebenar, prinsip kerjasama ini tidak bersifat tegar – boleh dilanggar – kerana besar kemungkinan si penutur akan secara sengaja atau terus terang melanggar maksim tersebut atas alasan yang tertentu. Makalah ini, merupakan suatu percubaan untuk menganalisis gaya perbualan yang terdapat dalam teks kreatif bahasa Melayu, dengan menjadikan Prinsip Kerjasama (PK) sebagai asas perbincangan. Contoh perbualan dipetik daripada teks *Sungai Mengalir Lesu* (1997), karya A. Samad Said. Tumpuan makalah ini adalah untuk memperlihatkan pelbagai jenis ujaran yang digunakan oleh pengarang, dan implikasinya kepada si pendengar. Analisis ujaran ini akan dihubungkan dengan konsep lakuan bahasa. Dalam erti kata lain, makalah ini akan menggabungkan PK dengan analisis lakuan bahasa. Kajian ini berharap akan dapat menonjolkan gaya perbualan dalam teks kreatif bahasa Melayu.

Abstract

Grice (1975) proposed a conversation principle, that is Cooperative Principle (CP) in order to make one conversation coherent and effective. This principle is produced as maxim, i.e. quantity, quality,

relation and manner. The basis of this principle is "say what you mean and mean what you say". However, in a real conversation, the CP is not rigid – it can be flouted – as a speaker unintentionally would flout the maxim for certain reasons. This article, thus, is an attempt to analyze the style of a conversation in a Malay creative text, with the application of CP. Samples of discussions are taken from "Sungai Mengalir Lesu" (1997) written by A. Samad Said. This article aims to show the type of utterances in the text, and its implications to the listener. The analysis of CP will be linked with the concept of speech acts. In other words, the analysis is a combination of CP and speech actions. This study hopes to highlight the Malay conversation style in a Malay creative text.

PENDAHULUAN

Prinsip Kerjasama (PK) yang telah diperkenalkan oleh Grice (1975) sering dijadikan asas dalam analisis sesuatu perbualan, misalnya Leech dan Short (1991), dan Thomas (1996). PK ini khususnya berguna untuk memahami kelangsungan sesuatu perbualan dengan lebih baik dan berkesan. Setakat ini, PK diaplikasikan untuk kepentingan ilmu pragmatik, iaitu kajian tentang penggunaan bahasa (Wales, 1991:368), khususnya bahasa lisan. Makalah ini, bagaimanapun, berhajat untuk mengaplikasikan PK untuk kepentingan ilmu stilistik, iaitu kajian tentang gaya bahasa (Leech dan Short, 1991:13), khususnya bahasa tulisan. Dengan mengkaji gaya, makalah ini akan memberikan tumpuan terhadap pelbagai jenis ujaran yang terdapat di dalam teks kreatif bahasa Melayu, yang mampu memberikan kesan tertentu kepada si pendengar.

Implikatur

Istilah *implikatur* dicadangkan oleh H.P. Grice (1975;1991), yakni apabila seseorang bercakap dengan orang lain, masing-masing telah bersetuju secara senyap untuk sama-sama bekerjasama memahami maksud yang ingin disampaikan. Dengan erti kata lain, Grice (dalam Lyons, 1981:212) cuba membahaskan bahawa:

... kita beranggapan bahawa orang akan bertindak secara rasional dan bekerjasama. oleh sebab itu kita mentafsir ujaran mereka seolah-olah mereka adalah rasional dan bekerjasama.

Persetujuan untuk berlaku rasional dan bekerjasama ini dinamakannya

Prinsip Kerjasama (PK). Bagi mematuhi PK ini, setiap pengujar harus bertindak bersesuaian dengan empat maksim yang berikut (Grundy, 1995: 38; Thomas, 1996:63–4):

(i) Maksim kuantiti:

Pastikan sumbangan maklumat anda cukup seperti yang diperlukan.

Jangan jadikan sumbangan anda lebih bermaklumat daripada yang diperlukan.

(ii) Maksim kualiti:

Jangan katakan sesuatu yang anda percaya tidak benar.

Jangan katakan sesuatu yang tidak cukup buktinya.

(iii) Maksim perkaitan:

Harus relevan.

(iv) Maksim cara:

Hindarkan ungkapan yang samar.

Hindarkan ketaksaan.

Harus singkat.

Harus tertib.

Maksim (i) menegaskan bahawa semasa berbual, seseorang itu haruslah mencuba memberikan sumbangan, iaitu menyatakan maklumat yang dirasakan perlu sahaja. Maklumat yang diberikan ini haruslah tidak terlalu banyak atau terlalu sedikit sehingga mengganggu proses pemahaman si pendengar. Maksim (ii) pula menyarankan agar si pengujar tidak berkata sesuatu yang dirasakan tidak benar. Ini bermakna maklumat yang ingin disampaikan perlulah mempunyai bukti yang cukup, atau jika tidak cukup bukti, lebih baik tidak dinyatakan. Kedua-dua maksim ini jika digabungkan boleh bermaksud menyatakan sesuatu sekadar yang perlu dan telah terbukti kebenarannya. Selanjutnya, maksim (iii) menyatakan bahawa sesuatu maklumat yang ingin disampaikan itu haruslah relevan atau mempunyai perkaitan dengan apa yang sedang diperkatakan. Maksim terakhir (iv) pula mencuba menjelaskan bahawa si pengujar harus mengelak daripada menyatakan sesuatu yang kabur atau taksa. Sebagai lawannya, sesuatu maklumat itu haruslah jelas, ringkas dan mengikut

urutan soalan. Secara mudahnya, maksim ini menegaskan bahawa yang dipentingkan ialah bagaimana sesuatu yang dikatakan itu harus dikatakan (Grice 1991:308). Secara langsung, hal ini berkait dengan pemilihan perkataan yang sesuai agar si pendengar tidak tersalah tafsir maksud yang ingin disampaikan oleh si penutur.

Kesemua maksim di atas akan digabungkan dengan kerangka lakuan bahasa bagi mentafsir ujaran dalam sesuatu perbualan, sama ada dapat mematuhi sesuatu maksim atau sebaliknya. Walaupun pada hakikatnya, penutur mungkin akan melanggar sesuatu maksim itu, misalnya dengan mengemukakan maklumat yang tidak diperlukan oleh si pendengar, pemerincian tentang pelbagai maksim ini diharap akan dapat menjelaskan gaya perbualan dalam teks kreatif bahasa Melayu.

Pengaplikasian Prinsip Kerjasama

Contoh perbualan berikut yang dipetik daripada Jenny Thomas (1996:64) dapat membantu pembaca memahami bagaimana PK ini beroperasi:

- (a) *Husband: Where are the car keys?*
Wife: They're on the table in the hall.

Jawapan yang dikemukakan dalam contoh di atas ternyata jelas (maksim cara), benar (maksim kualiti) mencukupi (maksim kuantiti) dan secara langsung berkaitan dengan pertanyaan yang dikemukakan (maksim perkaitan). Jawapan itu juga tidak menghasilkan sebarang implikasi, yakni tiada perbezaan antara apa yang diujarkan dengan apa yang dimaksudkan – dengan erti kata lain, tidak wujud makna tambahan.

Berdasarkan contoh (a) di atas, dapat diperhatikan bahawa PK berfungsi dengan baik jika wujudnya persetujuan dalaman (*tacit agreement*) antara penutur, dengan tujuan untuk menghasilkan suatu perbualan yang koheren dan berkesan. Bagaimanapun, dalam perbualan yang sebenar, PK ini tidak semestinya dipatuhi. Dengan erti kata lain, si penutur ada kecenderungan untuk melanggar salah satu atau keseluruhan maksim yang terdapat dalam PK. Leech dan Short (1991:295) ada menyatakan bahawa PK sering dilanggar kerana prinsip ini tidak sama dengan peraturan yang terdapat dalam nahu. Yang berikut dipaparkan contoh perbualan yang melanggar PK:

- (b) “Pak.” Van Yin seperti ingin meminta sesuatu. Dia memegang-

megang sebatang rotan sepanjang depannya. Rotan itu sebesar ibu jari kakinya.

“Kenapa?”

“Nak jual?” Van Yin menunjukkan rotan yang dipegangnya.

“Tak ... nak jual apa kalau sepanjang depa kau. Saja pak ambil.”

“Bagi pada Van.”

“Kau nak buat apa?”

“Main-main.”

“Huhhh.”

“Alaaa, bagilah kalau dah tak guna,” sampuk emak yang sedang membalut lepat.

Contoh perbualan (b) di atas dipetik daripada cerpen “Pelarian yang Kedua” oleh Azizi Haji Abdullah (1980:101). Watak yang terlibat dalam perbualan itu ialah Van Yin dan kedua-dua ibu bapanya. Jika diperhatikan, masing-masing cuba bekerjasama untuk menghasilkan suatu perbualan yang koheren. Pertanyaan Van Yin dijawab dengan wajar oleh bapanya, sehinggalah ujaran yang keenam, iaitu pertanyaan oleh bapa Van Yin, “Kau nak buat apa?” yang tidak dibalas dengan baik oleh Van Yin. Ujaran “Main-main.” memerlukan interpretasi tambahan kerana tidak wujud kesungguhan oleh Van Yin untuk menyatakan sebab ia berkehendakkan rotan tersebut. Hal ini makin terserlah apabila bapanya membalas “Huhhh.” Berdasarkan konteks, Van Yin sebenarnya ingin membuat peralatan memanah. Di sinilah terjadinya pelanggaran maksim kuantiti kerana maklumat yang dikemukakan tidak mencukupi, dan juga pelanggaran maksim kualiti kerana maklumat yang disampaikan ternyata tidak benar.

Berdasarkan contoh (b), makalah ini berpendapat bahawa pelanggaran PK dapat dijelaskan berdasarkan analisis jenis lakuan bahasa. Misalnya, pelanggaran maksim dapat dikesan pada ujaran yang keenam, iaitu lakuan bahasa jenis pertanyaan. Pemilihan ujaran jenis pertanyaan dilihat mampu mencetuskan suatu perbualan yang tidak koheren kerana si pendengar mempunyai pilihan untuk menjawabnya secara langsung ataupun sebaliknya. Makalah ini akan cuba memperlihatkan bagaimana analisis lakuan bahasa dapat membantu kita memahami kelangsungan sesuatu perbualan dengan lebih berkesan.

Analisis Perbualan

Makalah ini akan menganalisis beberapa contoh perbualan yang terdapat

dalam teks *Sungai Mengalir Lesu* karya A. Samad Said. Contoh perbualan ini dipetik daripada sejumlah 18 halaman dalam Bab 1 teks tersebut. Keseluruhannya, terdapat tujuh contoh wacana perbualan yang melibatkan pelbagai watak, dan telah berlangsung dalam beberapa situasi yang berbeza.

Bagi memudahkan perbincangan, setiap ujaran telah diletakkan tanda (1), iaitu bagi menunjukkan giliran si penguji. Contoh perbualan dalam teks kajian ini sebenarnya tidak menunjukkan jumlah perubahan giliran yang banyak, iaitu antara (3) hingga (6) giliran sahaja. Seterusnya, setiap ujaran akan dilabelkan jenis lakuan bahasanya. Misalnya, bagi contoh perbualan [1] di bawah, “Kan kakak dah kata, jangan ke sungai masa hujan? dilabelkan sebagai ujaran berbentuk [*Pertanyaan*] kerana ujaran ini menggunakan tanda soal (?). Implikasi ujaran ini ialah si penutur bertanya sambil melarang, iaitu berdasarkan kehadiran kata larangan *jangan*. Dapat juga dilihat bahawa dalam sesuatu giliran perbualan, si penutur akan mengujarkan lebih daripada satu ujaran. Misalnya, jika berdasarkan giliran (1) dalam contoh perbualan [1] di bawah, Tuminah mengujarkan tiga ujaran pertanyaan.

Kemudian analisis lakuan bahasa ini akan digabungkan dengan PK. Misalnya, ujaran berbentuk pertanyaan diandaikan memerlukan jawapan daripada pihak pendengar. Jika si pendengar tidak mencuba menjawab sesuatu pertanyaan itu, sebaliknya ia memberikan sejumlah maklumat yang tidak diperlukan, maka ujarannya dianggap telah melanggar maksim tertentu, misalnya maksim kuantiti. Yang berikut ialah analisis bagi setiap contoh perbualan berdasarkan konsep kepatuhan dan pelanggaran maksim.

Kepatuhan kepada Maksim

Terdapat tiga contoh wacana perbualan yang memperlihatkan kerjasama antara watak bagi mematuhi maksim yang telah disarankan oleh Grice. Contoh wacana perbualan [1] dan [2] berlangsung dalam latar yang sama, iaitu di dalam rumah dan melibatkan dua hingga tiga watak. Contoh wacana perbualan [3] pula berlangsung di dalam *shelter*, dan diwakili oleh empat watak. Yang berikut ialah perincian bagi setiap wacana perbualan yang telah dinyatakan:

- [1] Tuminah masih menangis memerhatikan Dalim yang duduk di hujung pintu dengan selimut kelabu yang koyak-koyak melingkupi badannya.

Tubuh kecil itu tergegil, matanya terkejam-celik, dan sesekali lidahnya tersembul. Tuminah mengesat matanya dengan ekor baju kurung merahnya yang sudah terlalu lusuh. Air mata menerpa lagi. Dia bangun, berjalan menuju ke arah Dalim yang mula gelisah kekhuatiran. “Kan kakak dah kata, jangan ke sungai masa hujan? [*Pertanyaan + Larangan*] Berapa kali kakak dah kata? [*Pertanyaan*] Tak tahu sungai tu selalu makan orang?” [*Pertanyaan*] (1)
“Dalim nak cari Sukon ...” [*Pernyataan*] (2)
“Tak boleh cari bila hujan dah berhenti?” tanya Tuminah mengetapkan bibirnya, menahan tangisan. [*Pertanyaan*] (3)

Konteks cerita dalam perbualan [1] di atas adalah tentang watak Tuminah yang sedang menangis kerana kedegilan adiknya, Dalim, yang tidak mendengar perintahnya agar tidak mandi di sungai. Hanya ujaran yang disampaikan oleh Dalim yang mengimplicasikan pernyataan, sementara yang selebihnya bermaksud pertanyaan.

Bersesuaian dengan keadaan watak Tuminah yang sedang marah, ujaran yang mengimplicasikan pertanyaan telah dipilih oleh pengarang untuk menggambarkan perasaan tersebut. Dalam ujaran pertama, “Kan kakak dah kata, jangan ke sungai masa hujan?” Tuminah menggabungkan pertanyaan dengan larangan. Dengan erti kata lain, lakukan bahasa ini bertujuan untuk bertanya, dan pada waktu yang sama ia turut melarang Dalim, iaitu melalui kata larangan *jangan*. Ujaran seterusnya, *Berapa kali kakak dah kata* adalah bentuk pertanyaan langsung. Ujaran ini sengaja diulang oleh Tuminah bagi maksud penegasan dan diikuti oleh ujaran “Tak tahu sungai tu selalu makan orang?”, yang menggabungkan lakukan bahasa pertanyaan dengan amaran. Frasa *makan orang* dalam konteks ini bertujuan untuk memberi amaran dan menakut-nakutkan Dalim kerana ramai orang telah mati di dalam sungai tersebut.

Kepatuhan kepada maksim hanya dapat dikesan dalam giliran (2). Jawapan yang dikemukakan oleh Dalim bahawa tujuannya ke sungai adalah untuk mencari Sukon dilihat telah mematuhi PK. Jawapan yang diberi mencukupi (maksim kuantiti), ternyata benar (maksim kualiti), menjawab soalan Tuminah (maksim perkaitan) dan tidak bersifat taksa (maksim cara). Dengan erti kata lain, jawapan Dalim tidak mengimplicasikan makna tambahan yang lain. Kepatuhan kepada maksim ini juga terjadi apabila Tuminah memotong kata-kata Dalim dengan mengemukakan ujaran “Tak boleh cari bila hujan dah berhenti?”. Ujaran pertanyaan ini telah menyebabkan Dalim tidak dapat menghabiskan ujarannya.

Seterusnya, perhatikan pula contoh perbualan [2] yang berikut, yang merupakan kesinambungan daripada contoh [1].

- [2] “Jangan buat lagi macam tu,” suara Tuminah, tergil. [*Larangan*]
 “Kalau lapar cakap, biar kakak yang cari ...” [*Perintah + Cadangan*]
 (1)

Tuminah mengesat matanya lagi sambil memikirkan dari mana pula dia harus mencari makanan itu. Ubi yang dibelinya sudah tinggal cuma seketul dua. Duit dalam tangan sudah tidak ada. Semalam dia terpaksa menjumpai Basir untuk mendapatkan satu tin susu. “Boleh aku beri susu ni,” kata Basir yang bermuka bujur telur penuh jerawat itu. [*Permintaan*] “Tapi ... tapi kau mesti ganti dengan susu tu.” [*Perintah + Cadangan*] (2) Orang sudah tidak memberi makna kerana kemanusiaan, fikir Tuminah. (3) Sejak dia menjadi janda enam bulan dahulu, dia banyak kenal tentang kebinatangan lelaki. Setiap yang dihulur minta diganti. Dalam masa perang-perang begitu, Tuminah tidak ada jalan lain. “Baiklah,” dia teringat begitulah jawabnya. [*Pernyataan*] (4) “Kau berilah susu tu. Aku beri susu ni ...” [*Permintaan*] Dan susu manusia dan susu binatang bertukar ganti. (5) “Ingat tak kata kakak?” Tuminah mengarahkan semula kata-katanya kepada Dalim. [*Pertanyaan*] “Kakak tak mahu kau pergi ke sungai tu lagi, ingat tak?” [*Pertanyaan*] Dalim tidak mengangguk, matanya merenung ke bawah kolong. Di dalam itu juga ada roda basikal yang dicurinya juga. Kalau kakaknya tidak ada, fikirnya, dia akan tenggelam di bawah kolong itu, menggigit ubi dan mengemam belacan. (6)

Masih berlatarkan di dalam rumah, Tuminah memulakan perbualannya dengan lakuan bahasa yang mengimplicasikan larangan, “Jangan buat lagi macam tu,” bagi memperlihatkan kesinambungan dengan contoh [1]. Ujaran ini kemudiannya diikuti oleh lakuan bahasa yang menggabungkan perintah dengan cadangan, “Kalau lapar cakap, biar kakak yang cari ...”. Ujaran ini tidak dapat dihabiskan kerana Tuminah sebenarnya tidak pasti bagaimana ia harus mendapatkan makanan. Pada waktu itu, ia teringatkan perbualannya dengan Basir. Perbualan sisipan di antara Tuminah dengan Basir ini memperlihatkan beberapa implikasi. Basir memulakan perbualan tersebut dengan mengemukakan lakuan bahasa yang mengimplicasikan permintaan “Boleh aku beri susu ni,”. Kemudiannya, ia mengujarkan “Tapi ... tapi kau mesti ganti dengan susu tu.”, yang merupakan gabungan

lakukan bahasa perintah dengan cadangan. Dengan erti kata lain, Basir cuba memerintah sambil mencadangkan agar susu tin digantikan dengan tubuh badan Tuminah. Ujaran Basir ini tidak dijawab terus oleh Tuminah. Sebaliknya, ia melahirkan rasa kesalnya terhadap pernyataan Basir di dalam hatinya. Bagaimanapun, Tuminah kemudiannya menyatakan per-setujuannya tentang pertukaran tersebut kerana ia tidak mempunyai pilihan lain.

Dari segi kepatuhan kepada maksim, Tuminah dan Basir dilihat mencuba untuk bekerjasama agar hajat masing-masing tercapai. Jawapan yang singkat oleh Tuminah “Baiklah.” telah berjaya mematuhi maksim kuantiti kerana ia menjawab sekadar yang perlu sahaja. Jawapan Tuminah ini juga ternyata benar (maksim kualiti), relevan dengan topik perbualan (maksim perkaitan) dan tidak mengimplikasikan makna yang lain (maksim cara). Ujaran selepasnya “Kau berilah susu tu. Aku beri susu ni ...” hanya berfungsi untuk meneguhkan perjanjian antara mereka. Seterusnya, dalam giliran (6), Tuminah kembali mengulangi pertanyaannya kepada Dalim agar mematuhi larangannya, “Ingat tak kata kakak?” bagi menandakan berakhirnya imbasan ingatan Tuminah tentang peristiwa tersebut.

Contoh perbualan [2] ini disudahi dengan ujaran oleh Dalim, *Kalau kakaknya tidak ada, fikirnya, dia akan tenggelam di bawah kolong itu, menggigit ubi dan mengemam belacan*. Dalim bercadang untuk menggigit ubi dan mengemam belacan di bawah kolong. Hal ini memberikan gambaran bahawa pada waktu kejadian, fikiran Dalim sedang terbayangkan perkara lain. Ini juga bermakna ia sebenarnya tidak mengendahkan perintah dan larangan kakaknya itu.

Selanjutnya, perhatikan pula contoh perbualan [3] yang berikut, yang memperlihatkan perubahan giliran bercakap yang lebih banyak, iaitu enam giliran.

[3] Sesudah lima enam kali menangkap telinga dan menunduk dalam *shelter* itu, barulah Mak Buruk menjerit: “Hei, mana Tompang?” [Pertanyaan] Tak ada orang angkat Tompang? Serta-merta itu juga Mak Buruk hendak keluar mendukung Tompang masuk ke *shelter*. (1) Sayeed Ayuub cepat menahannya. “Sekarang bom sudah jatuh, tak boleh keluar.” katanya. [Larangan] “Awak mahu mati?” [Pertanyaan] (2)

“Tompang ada atas!” teriak Mak Buruk, dengan bibirnya terketar-ketar. [Seruan] (3)

“Ya, ya, Tompang ada atas, tapi kita tak boleh buat apa-apa

sekarang,” kata Ahmad Jani. [*Pernyataan*] (4)

“Nanti dia mati kena bom. [*Pernyataan*] Dia bukannya boleh lari, dia bukannya nampak, bukannya tahu!” Mak Buruk berkeras lagi. [*Seruan*] (5)

“Memang benar, Buruk.” Suara Econ menyelinap. [*Pernyataan*] “Tap! bila dah berderang-derang gini ...” [*Pernyataan*](6)

Kejadian dalam contoh perbualan [3] di atas berlaku ketika pihak musuh sedang menyerang kawasan yang berhampiran dengan tempat perlindungan mereka. Contoh perbualan [3] ini bermula dengan ujaran yang mengimplicasikan pertanyaan. Kehadiran kata *Hei* menandakan si pengujar terperanjat kerana ia baru menyedari bahawa Tompang tiada di situ. Gagal untuk mendapat respons daripada orang lain, Mak Buruk kemudiannya bergegas untuk keluar dari *shelter* tersebut. Sayeed Ayuub dengan pantas melarang Mak Buruk meninggalkan *shelter* tersebut melalui ujarannya “Sekarang bom sudah jatuh, tak boleh keluar.”, sebelum disusuli dengan ujaran yang mengimplicasikan pertanyaan dan sekali gus amaran, “Awak mahu mati?”.

Kepatuhan kepada maksim dapat dilihat dalam giliran (4). Seruan Mak Buruk “Tompang ada atas!” dijawab dengan wajarnya oleh Ahmad Jani, iaitu dengan mengiakan pernyataan tersebut (maksim kuantiti) sambil menjelaskan bahawa tiada apa yang dapat dilakukan dalam keadaan yang tegang itu (maksim kualiti). Pernyataan Ahmad Jani ini juga berkaitan dengan pertanyaan Mak Buruk (maksim perkaitan) dan telah diungkapkan dengan jelas (maksim cara). Bagaimanapun, Mak Buruk masih berkeras untuk keluar, iaitu dengan menyatakan bahawa Tompang akan mati jika tidak diselamatkan. Sekali lagi jawapan Econ “Memang benar, Buruk.” dianggap telah mematuhi PK kerana ia mengiakan pernyataan Mak Buruk sekadar yang perlu sahaja (maksim kualiti dan kuantiti), masih relevan dengan topik perbualan (maksim perkaitan) dan tidak taksa (maksim cara). Pernyataan terakhir Econ “Tapi bila dah berderang-derang gini ...” hanya bertujuan untuk menyedarkan Mak Buruk bahawa pada waktu itu mereka sebenarnya tidak dapat menyelamatkan Tompang kerana pihak musuh sedang menggugurkan bom.

Pelanggaran Maksim

Perbincangan tentang pelanggaran maksim adalah lebih sukar kerana watak yang terlibat tidak bekerjasama untuk menghasilkan suatu bentuk

komunikasi yang mudah. Sesuatu persoalan yang dikemukakan oleh watak tertentu, biasanya tidak akan mendapat balasan yang sewajarnya. Sebaliknya, jawapan yang diberikan harus ditafsir secara berbeza kerana bersifat tak langsung. Malah dalam konteks tertentu, sesuatu ujaran itu boleh berbentuk pernyataan atau pertanyaan, iaitu bergantung pada interpretasi si pendengar. Dalam kes seperti ini, biasanya balasan daripada si pendengar agak sukar untuk diinterpretasikan, sama ada ia menjawab sesuatu pertanyaan atau sekadar memberikan pernyataan. Yang berikut adalah empat contoh wacana perbualan yang memperlihatkan pelanggaran maksim:

[4] “Semalam tiga jam dia bom,” kata Giap Hong sambil memeluk anaknya yang baru enam bulan. [*Pernyataan*] Isterinya yang kurus, berbungkus dengan selimut hijau muda, memandang suaminya dengan mata yang khuatir saja. “Ini hari tak tahu berapa lama,” tambahnya. [*Pernyataan*]
(1)

“Lama juga pun dia orang tak ada rasa,” sampuk Kuldip Singh. [*Pernyataan*] Anaknya, Ranjit Singh, sedang bermain-main tepuk tangan dengan Menon, dan ketawa terkekeh-kekeh. “Ini budak-budak pun tak ada rasa,” tambahnya sambil memial paha anaknya. [*Pernyataan*] (2)

Contoh perbualan [4] di atas berlangsung di dalam *shelter* dan hanya melibatkan dua watak. Giap Hong memulakan perbualannya dengan mengemukakan satu pernyataan yang umum, “Semalam tiga jam dia bom,”. Unsur *Semalam* menandakan waktu kejadian yang dirujuk ialah malam tadi. Unsur *dia* pula merujuk kepada pihak ketiga, iaitu pasukan pengebom British. Ujaran Giap Hong yang berikutnya, “Ini hari tak tahu berapa lama,” merupakan lakuan bahasa yang menggabungkan pernyataan dengan pertanyaan. Pernyataan kerana tujuan Giap Hong hanya sekadar untuk memaklumkan sesuatu dan pertanyaan pula kerana ia seolah-olah mengharapkan pandangan Kuldip Singh tentang jangka masa *shelter* mereka akan dibom.

Pelanggaran maksim perkaitan mula dikesan melalui pernyataan Kuldip Singh yang langsung tidak membantu perbualan tersebut. Ujarannya, “Lama juga pun dia orang tak ada rasa,” telah melanggar maksim kuantiti kerana maklumat yang disampaikan tidak menyumbang kepada perbualan. Malah pernyataannya tidak relevan dengan persoalan yang dikemukakan oleh Giap Hong. Ini bermakna Kuldip Singh telah

melanggar maksim perkaitan. Bagi menunjukkan kerjasama, Kuldip Singh seharusnya menyatakan jangka masa pengeboman yang berkemungkinan atau menyatakan yang ia tidak tahu. Pernyataan terakhirnya “Ini budak-budak pun tak ada rasa,” telah melanggar maksim cara dan perkaitan kerana ia meleret-leret dengan menyatakan sesuatu yang tidak perlu dan sekali gus tiada perkaitan dengan topik perbualan

Perbualan yang berikut pula masih berlangsung di dalam *shelter* dan diwakili oleh empat watak. Seperti contoh perbualan [4] sebelumnya, topik yang diperkatakan di dalam perbualan [5] yang berikut masih berkisar tentang kejadian serangan malam tadi (*semalam*) oleh pihak musuh.

[5] “Semalam dia orang bom Naval Base.” Kata Soosay. [*Pernyataan*]

(1)

“Pulau Bukom pun dia orang bom,” kata Giap Hong. [*Pernyataan*]

(2)

“Mana ada kapal terbang, mana ada minyak, dia orang bom,” sampuk Sayeed Ayuub, menggenyeh-genyeh kening putihnya yang terlalu lebat. [*Pernyataan*] (3)

“Mana boleh,” bantah Giap Hong. [*Penafian*] “Itu *shelter* sana mana ada kapal terbang, mana ada minyak? [*Pertanyaan*] Dia orang bom juga!” [*Seruan*] (4)

“Dia orang tak da tengok betul,” kata Kuldip Singh. [*Pernyataan*]

(5)

Contoh perbualan (5) di atas telah dimulakan oleh Soosay, iaitu melalui ujaran yang bermaksud pernyataan. Sesungguhnya pernyataan oleh Soosay tentang pengeboman di Naval Base bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana masing-masing telah mengetahuinya. Tetapi cara ujaran ini disampaikan dapat menimbulkan kesan daripada pendengar lain untuk turut terlibat membicarakannya. Sesuatu tindak balas yang positif bagi memenuhi PK adalah dengan mengesahkan kejadian tersebut, misalnya dengan menyatakan *Ya*. Pernyataan Giap Hong, bagaimanapun masih dianggap mematuhi PK, iaitu melalui ujaran “Pulau Bukom pun dia orang bom”.

Pematuhan PK dapat dikesan melalui penggunaan unsur *pun*, bagi maksud Giap Hong menyokong dan menambah pernyataan Soosay. Pelanggaran maksim hanya berlaku apabila Sayeed Ayuub menyampuk “Mana ada kapal terbang, mana ada minyak, dia orang bom”. Pernyataan ini telah melanggar maksim kuantiti dan maksim kualiti kerana bersifat

terlalu umum dan hanya berbentuk andaian, iaitu tanpa bukti yang cukup. Kemudiannya sanggahan Giap Hong terhadap pernyataan Sayeed Ayuub telah merumitkan lagi kelangsungan perbualan tersebut. Giap Hong dalam sanggahannya telah menggunakan pelbagai bentuk lakuan bahasa. Bermula dengan penafian, diikuti oleh pertanyaan (bagi maksud tidak bersetuju dengan kenyataan Sayeed Ayuub), langsung diakhiri dengan seruan, iaitu sebagai menyimpulkan sanggahannya. Ujaran Giap Hong ini tidak membantu kelangsungan perbualan (maksim kuantiti), menyatakan sesuatu yang tak pasti kebenarannya (maksim kualiti), tidak relevan dengan topik perbualan sebenar (maksim perkaitan) dan telah menimbulkan kesamaran (maksim cara).

Pernyataan terakhir oleh Kuldip Singh dalam contoh perbualan ini memberikan implikasi bahawa ia bersetuju dengan pandangan Sayeed Ayuub. Kejadian pengeboman kapal terbang di kawasan yang ada minyak dianggapnya sebagai sesuatu yang tidak disengajakan.

Selanjutnya, perhatikan pula contoh perbualan [6] yang berikut yang juga dilangsungkan di dalam *shelter* dan melibatkan lebih ramai watak.

[6] “Awak fikir berapa lama ini perang?” tiba-tiba terdengar Kuldip Singh bertanya. [*Pertanyaan*] (1)

“Berapa lama?” tanya Sayeed Ayuub pula. [*Pertanyaan*] (2)

“Dulu Jepun masuk kita susah, sekarang Orang Putih mahu masuk balik kita susah juga,” kata Mak Buruk, meraba-raba siput sejemputnya, kemudian meraba-raba pula lehernya yang berketak-ketak. [*Pernyataan*] (3)

“Kita jangan fikir berapa lama,” Ahmad Jani yang selesai membaca Yasin itu bersuara. [*Larangan*] “Kita fikir kita semua mesti mati.” [*Pernyataan*] (4)

Orang-orang di dalam *shelter* itu semuanya terdiam, berpandangan sesama sendiri, dan kelihatan gelisah dan khuatir. “Mati mesti mati juga,” kata Kuldip Singh, [*Pernyataan*] “tapi kita tak mahu mati ini macam.” [*Harapan*] (5)

Dengungan B24 dan B29 sekali lagi semakin mendekat, masing-masing membisu, mendengarkan deruman kapal terbang maut itu dengan sungguh-sungguh. Kemudiannya terdengar susulan siulan bom jatuh bertubi-tubi. Semuanya menepak telinga dan tunduk. Masing-masing berdoa

Kuldip Singh memulakan contoh perbualan [6] di atas dengan menge-

mukakan ujaran yang mengimplikasikan pertanyaan, “Awak fikir berapa lama ini perang?”. Tujuannya adalah untuk meminta pandangan yang jujur daripada Sayeed Ayuub. Namun Sayeed Ayuub tidak menjawabnya, sebaliknya ia bertanyakan semula soalan tersebut kepada Kuldip Singh. Jawapan Sayeed Ayuub ini tidak membantu kelangsungan perbualan tersebut (maksim kuantiti) kerana ia tidak menjawab pertanyaan Kuldip Singh (maksim perkaitan). Sesuatu pertanyaan haruslah diikuti oleh jawapan, bukannya pertanyaan juga. Jawapan yang lebih mudah baginya adalah dengan menyatakan jangka waktu perang yang mungkin berlangsung atau ia boleh sahaja menyatakan bahawa ia tidak tahu. Implikasi ujaran Sayeed Ayuub ini ialah ia sebenarnya tidak pasti atau tidak tahu tentang jawapan itu. Oleh sebab itulah ia bertanyakan semula soalan tersebut kepada Kuldip Singh.

Pandangan Mak Buruk sebagai reaksi terhadap pertanyaan Kuldip Singh lebih menimbulkan kekaburan kerana ia telah melanggar kesemua maksim perbualan. Ia mengemukakan maklumat yang tidak diperlukan (maksim kuantiti) dan tidak dipastikan kebenarannya (maksim kualiti), iaitu dengan membandingkan penjajah Jepun dengan Inggeris (Orang Putih), melalui ujaran “Dulu Jepun masuk kita susah, sekarang Orang Putih mahu masuk balik kita susah juga,”. Malah pandangan ini tidak relevan dengan topik perbualan (maksim perkaitan) dan ternyata meleret-leret (maksim cara).

Ahmad Jani kemudiannya telah menambahkan kekaburan dalam perbualan tersebut dengan menyatakan bahawa persoalan berapa lama peperangan berlangsung adalah tidak penting. Tetapi yang pastinya semua orang mesti mati akibat peperangan tersebut. Pernyataan Ahmad Jani ini turut melanggar PK kerana ia menyatakan maklumat yang tidak diperlukan (maksim kuantiti) dan bukti yang tidak mencukupi (maksim kualiti). Maklumat ini juga tidak menjawab soalan, sebaliknya ia telah mencadangkan satu topik baharu (maksim perkaitan) dan tidak mengikut tertib perbualan (Maksim cara). Penggunaan perkataan *mati* sesungguhnya telah menimbulkan kegelisahan dalam kalangan peserta lain. Kuldip Singh akhirnya mengujarkan “Mati mesti mati juga” dengan tujuan untuk mengiakan pandangan Ahmad Jani, dan sekali gus menggambarkan rasa tidak puas hatinya. Kemudiannya Kuldip Singh menggunakan lakuan bahasa yang mengimplikasikan harapan, “tapi kita tak mahu mati ini macam.” Pernyataan ini membayangkan harapan Kuldip Singh agar mereka tidak mati di dalam *shelter* tersebut.

Selanjutnya, contoh perbualan terakhir [7] di bawah berlaku di luar

shelter. Masing-masing digambarkan sedang bergerak keluar dari *shelter* dalam keadaan yang lega. Kemudiannya, semua yang sudah berada di luar *shelter* mendongak ke atas langit memerhatikan kertas putih yang sedang melayang. Kertas putih itu ditaburkan bertujuan untuk memaklumkan bahawa pihak British sudah hampir mengalahkan pihak Jepun. Yang berikut adalah petikan cerita tersebut:

[7] Sedang segala-gala di sekitar Tompong tergambar di dalam mata Mak Buruk, kedengaran siren memanjang menandakan musuh sudah pergi. Masing-masing merasa amat lega, dan bersedia untuk keluar dari *shelter* yang amat kecil bagi penghuni-penghuninya yang makin bertambah ramai itu. Soosay keluar sambil menggeliat-geliat kerana kaku duduk berhimpit-himpit. Dia memarahkan Menon yang melonjak-lonjak riang menunjuk ke atas langit. Tetapi semua yang sudah berada di luar *shelter* mendongak ke atas, memerhatikan kertas putih halus-halus melayang-layang jatuh ke bawah. Mereka tahu itu adalah maklumat-maklumat yang ditaburkan dari B24 dan B29, memberitahu bahawa mereka yang sedang dijajah Jepun tidak usah khuatir, kerana British sudah pun mula menang semula di beberapa tempat, dan akan pulang semula melindungi mereka.

“Apa guna buang surat?” terdengar Ahmad Jani bersuara. [*Pertanyaan*]

“Orang di sini semuanya lapar-lapar.” [*Pernyataan*] (1)

“Dia orang tahu buang surat, buang bom saja.” tambah Sayeed Ayuub sambil mencari-cari anak buahnya, Karem, yang tidak dilihatnya dalam *shelter* tadi. [*Pernyataan*] (2) Dia berjalan cepat-cepat ke rumahnya dengan hati yang kurang sedap, mengharapkan isteri mudanya, Zainab, yang terkunci dari luar ada di dalam bilik itu, dan Karem tidak ada.

Contoh perbualan [7] di atas telah dimulakan oleh Ahmad Jani melalui pertanyaan langsung yang ditujukan kepada pihak British yang menggugurkan kertas putih tersebut. Dan tentunya pertanyaan ini tidak perlu dijawab kerana pihak yang ditanya tiada berhampiran dengannya. Pernyataan selanjutnya oleh Ahmad Jani “Orang di sini semuanya lapar-lapar” sangat memberi kesan kepada keluhannya yang ternyata ditujukan terhadap dirinya sendiri.

Sayeed Ayuub yang berada berhampiran dengan Ahmad Jani kemudiannya menyatakan “Dia orang tahu buang surat, buang bom saja”.

Pernyataan ini memberi makna yang sangat mendalam tentang penderitaan yang dialami oleh semua penduduk di situ bahawa yang lebih dipentingkan pada waktu itu ialah makanan, bukannya kertas dan bom. Pelanggaran maksim dapat dikesan dalam ujaran ini kerana Sayeed Ayuub sebenarnya tidak menjawab pertanyaan Ahmad Jani (maksim kuantiti), sebaliknya ia meleret-leret dengan menyatakan pihak British hanya tahu buang surat dan buang bom (maksim perkaitan). Pernyataan *buang bom* dilihat tidak mempunyai perkaitan dengan topik perbualan ini.

Rumusan Gaya Perbualan

Analisis perbualan di atas menunjukkan bahawa sesuatu lakuan bahasa dapat mengimplikasikan berbagai-bagai tindakan, iaitu bergantung pada konteks yang tertentu. Yang berikut adalah taburan jenis lakuan bahasa bagi keseluruhan contoh perbualan yang telah dianalisis:

Jadual 1 Kekerapan lakuan bahasa.

Jenis Lakuan Bahasa	1	2	3	4	5	6	7	Jumlah	Peratus
Pernyataan	1	3	4	4	4	3	2	21	46.7%
Pertanyaan	4	2	2	-	1	2	1	12	26.7%
Larangan	-	1	1	-	-	1	-	3	6.7%
Seruan	-	-	2	-	1	-	-	3	6.7%
Perintah/ cadangan	-	2	-	-	-	-	-	2	4.4%
Permintaan	-	2	-	-	-	-	-	2	4.4%
Penafian	-	-	-	-	1	-	-	1	2.2%
Harapan	-	-	-	-	-	1	-	1	2.2%
Jumlah	5	10	9	4	7	7	3	45	100%

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa lakuan bahasa berbentuk pernyataan, yang terbanyak digunakan oleh pengarang, iaitu 21 kali (46.7%). Ini diikuti oleh lakuan bahasa bermaksud pertanyaan, iaitu sejumlah 12 kali (26.7%). Lakuan bahasa bermaksud larangan dan seruan pula digunakan sebanyak tiga kali (6.7%). Seterusnya, lakuan bahasa bermaksud perintah/cadangan dan permintaan telah digunakan sebanyak dua kali (4.4%), sementara lakuan bahasa bermaksud penafian dan harapan, masing-masing hanya digunakan sekali (2.2%).

Penanda bagi setiap jenis lakuan bahasa ini berdasarkan kehadiran unsur bahasa tertentu. Misalnya, ujaran pertanyaan sering diikuti oleh tanda soal (?). Ujaran jenis ini biasanya mengharapkan balasan atau jawapan yang sewajarnya daripada pihak pendengar. Ujaran pernyataan pula tidak diwakili oleh sebarang tanda bahasa. Tujuan ujaran pernyataan adalah untuk memaklumkan atau menyatakan sesuatu. Seterusnya ujaran permintaan dikesan berdasarkan kehadiran unsur *boleh* dalam ujaran “Boleh aku beri susu ni”. Manakala ujaran seruan dapat dikenal pasti berdasarkan kehadiran tanda seruan (!), misalnya, “Tompang ada atas!” dalam contoh perbualan [3]. Akhirnya, ujaran yang mengimplikasikan larangan ditandai oleh kata larangan *jangan*. Setiap penanda yang dinyatakan ini berfungsi untuk menggambarkan nada sesuatu ujaran itu disampaikan.

Dalam memulakan sesuatu perbualan, ujaran jenis pertanyaan dan pernyataan adalah yang paling kerap digunakan oleh pengarang, iaitu masing-masing sebanyak tiga kali. Ujaran jenis pertanyaan berfungsi untuk mencetuskan perbualan [1], [3] dan [6], sementara ujaran pernyataan berfungsi untuk memulakan perbualan [4], [5] dan [7]. Cuma perbualan [2] yang dimulakan dengan ujaran jenis larangan.

Sesungguhnya, pemilihan sesuatu ujaran untuk memulakan perbualan dapat memberikan kesan kepada PK. Misalnya, berdasarkan analisis makna ujaran, pelanggaran maksim terjadi apabila si penutur mengemukakan ujaran yang mengimplikasikan waktu sesuatu kejadian, iaitu seperti dalam contoh yang berikut:

- (1) “Semalam tiga jam dia bom,” kata Giap Hong sambil memeluk anaknya yang baru enam bulan. [*Pernyataan*]
- (2) “Semalam dia orang bom Naval Base.” Kata Soosay. [*Pernyataan*]
- (3) “Awak fikir berapa lama ini perang?” tiba-tiba terdengar Kuldip Singh bertanya. [*Pertanyaan*]

Contoh ujaran (1) merupakan permulaan bagi contoh perbualan [4]. Ujaran

ini menyatakan peristiwa pengeboman selama tiga jam yang terjadi pada hari sebelumnya, semalam. Giap Hong kemudiannya mengujarkan “Ini hari tak tahu berapa lama,” yang mengimplicasikan pertanyaan. Contoh ujaran (2) pula merupakan permulaan bagi contoh perbualan [5]. Ujaran ini juga merujuk kepada peristiwa pengeboman di Naval Base pada hari sebelumnya, semalam. Seterusnya, contoh ujaran (3) berfungsi untuk memulakan contoh perbualan [6]. Ujaran ini menanyakan jangka masa peperangan akan berlangsung. Sesungguhnya, kesemua persoalan ini sukar dijawab oleh orang lain. Jadi, tindak balas daripada si pendengar biasanya akan melanggar maksim kuantiti, iaitu dengan mengemukakan maklumat yang tidak diperlukan oleh si pemula perbualan. Pelanggaran maksim kuantiti akan menyebabkan maksim lain turut dilanggar. Ini menunjukkan bahawa si penutur mampu melanggar lebih daripada satu maksim dalam sesuatu perbualan. Contoh yang paling mudah ialah apabila sesuatu pertanyaan tidak dijawab secara langsung. Sebaliknya, si pendengar cuba memberikan maklumat yang tidak cukup dan tidak relevan dengan topik yang sedang dibicarakan. Sekali gus, dalam konteks ini si pendengar telah melanggar maksim kuantiti, maksim perkaitan dan maksim cara.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis perbualan di atas, didapati bahawa pengarang teks kajian ini mencuba untuk menjadikan sesuatu perbualan itu menghampiri gaya perbualan yang sebenar. Jadi, tidak hairanlah dalam sesuatu perbualan PK dapat dipatuhi atau dilanggar. Dalam hal ini, makalah ini berpendapat bahawa teks sastera dapat dijadikan sebagai bahan bahasa yang sesuai untuk memahami gaya perbualan. Ini kerana pengarang dapat menggunakan pelbagai bentuk lakuan bahasa, yang akhirnya menghasilkan tindak balas yang berbeza juga dalam kalangan penutur. Berdasarkan analisis di atas, didapati bahawa pematuhan atau pelanggaran sesuatu maksim bergantung pada jenis lakuan bahasa yang digunakan dalam memulakan sesuatu perbualan. Lakuan bahasa yang mengimplicasikan pertanyaan biasanya tidak dijawab dengan wajar oleh si pendengar, lantas menyebabkan terjadinya pelanggaran maksim tertentu. Pelanggaran sesuatu maksim, misalnya, maksim kuantiti akan menyebabkan maksim lain turut dilanggar. Penemuan ini dapat dianggap sebagai gaya perbualan dalam teks kreatif bahasa Melayu, khususnya dalam teks kajian ini.

RUJUKAN

- A. Samad Said, 1997: *Sungai Mengalir Lesu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Grice, H.P., 1975. "Logic and Conversation" dlm. Cole, P. dan Morgan, J.L. (ed.). *Syntax and Semantics 3: Speech Acts*. New York: Academic Press.
- Grice, H.P., 1991. "Logic and Conversation" dlm. Davis, S. (ed.). *Pragmatics: A Reader*. Oxford: Oxford University Press.
- Grundy, P., 1995. *Doing Pragmatics*. London: Edward Arnold.
- Leech, G.N. dan Short, M.H., 1991: *Style in Fiction: A Linguistic Introduction to English Fictional Prose*. London: Longman.
- Lyons, J., 1981. *Language, Meaning and Context*. London: Fontana.
- Thomas, J., 1996: *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. London: Longman.
- Wales, K., 1991: *A Dictionary of Stylistics*. London: Longman.